

31 MAY 2003

G8-NIAGA/I

URUSNIAGA HAMPIR LUMPUH DI GENEVA & LAUSANNE

Oleh: Yong Soo Heong

GENEVA, 31 Mei (Bernama) -- Perniagaan di sini dan Lausanne hujung minggu ini kelihatan seolah-olah lumpuh akibat tunjuk perasaan oleh para aktivis anti-globalisasi yang menunjuk perasaan terhadap Sidang Kemuncak G8 yang bermula esok.

Mereka menganggap sidang itu haram memandangkan pendirian mereka bahawa lapan negara tidak harus menentukan hal ehwal dunia.

Sidang G8 Summit bermula esok di Evian di sebelah Peranchis, Tasik Geneva dan akan dihadiri oleh para pemimpin lapan negara perindustrian terkemuka - AS, Jepun, Britain, Perachis, Jerman, Itali, Kanada dan Russia.

Sidang kemuncak tahun ini, yang tamat Selasa ini, juga dikenali sebagai "Sidang Kemuncak G8 Diperbesarkan" kerana Presiden Peranchis, Jacques Chirac turut mengundang 13 pemimpin daripada negara-negara membangun, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk perbincangan pada hari pembukaan.

Para pemimpin G8 tinggal di Evian, sebuah bandar yang terkenal kerana airnya yang jernih dan segar, manakala orang-orang kenamaan tinggal di Lausanne, di sebelah Switzerland tasik itu.

Kebimbangan terhadap kecuaihan dan vandalisma menyebabkan kebanyakan gedung dan kedai ditutup dan dipagar rapi dengan halangan-halangan menjadikan suasana perniagaan begitu muram di kedua-dua bandar itu,

Pemilik-pemilik kedai dan gedung terpaksa menutup nama-nama barangan mewah mereka untuk mengelakkan menjadi mangsi penunjuk perasaan anti-globalisasi dan pencuri-pencuri.

Jenama-jenama barangan mewah seperti Louis Vuitton, Hermes, Christian Dior, Rolex, Baume & Mercier, Longines dan Swatch ditutup dengan balutan plastik atau penutup keluli.

Malahan cawangan-cawangan McDonald di Geneva, berhampiran stesen keretapi, dipagar dengan begitu rapi sebagai langkah berjaga-jaga daripada penunjuk perasaan anti-AS dan anti-kerajaan yang membantah penaklukan Iraq oleh AS dan sekutu-sekutunya.

Peruncit-peruncit di Lausanne, tidak mahu peristiwa 1 Mei lalu berulang apabila beberapa gedung dan otel mewah dirosakkan dan dicuri oleh cuka 500 penunjuk perasaan. Dengan anggaran 300,000 demonstrator yang dikatakan hujung minggu ini, mereka tidak mahu kemungkinan itu berlaku sekali lagi.

Hanya beberapa kedai membuka perniagaan kerana memenuhi keperluan harian penduduk dan juga yakin terhadap langkah-langkah keselamatan yang berlipat ganda di bandar itu.

"Perniagaan amat lembap," kata Sally Goh, seorang pelayan dari Ayer Molek, Melaka yang berkerja di Mai Thai Restaurant. "Banyak orang ambil keputusan duduk dirumah atau keluar bandar kerana takutkan penunjuk perasaan."

Banyak penduduk tempatan di Lausanne dan Geneva tergesa-gesa mengelakkan daripada kejadian tidak diingini dengan mengambil kesempatan daripada hujugn minggu yang panjang kerana cuti Ascension Day hari Khamis.

"Sesetengah bahagian di Geneva kelihatan seperti bandar hantu," kata Janine Bridewell, suri rumah uyang tinggi di Jalan Carouge. "Banyak kedai ditutup dan ini tidak elok."

Sementara penunjuk perasaan tidak menjadi ganas, mereka kelihatan di mana-mana daripada contengan-contengan di tembok-tembok bangunan dan kedai. Perasaan anti-AS dan anti-globalisasi mereka memaparkan mesej-mesej seperti "Hate G Hate" yang menyindir G8, "G8 haram" dan "Bush pembunuh".

Banyak mana penunjuk perasaan yang "menyerang" Geneva dan Lausanne bergantung kepada siapa yang kita tanya. Yang lebih optimis antara "penggerak" atau penganjur meletakkan bilangannya sekitar 300,000.

Setakat inhi, lebih daripada 10,000 telah muncul dan bilangan itu kian meningkat. Tidak sukar memikat orangmenyertainya kerana mereka dibekalkan makanan, tempat tinggal di khemah-khemah dan konsert-konsert terbuka oleh penganjur di bandar atau di pinggir bandar.

Akibatnya, banyak pemuda pemudi daripada seluruh Eropah malahan daripada sejauh Jepun dan Australia berbondong-bondong datang ke Geneva and Lausanne untuk mendapat "keseronokan dan berpesta" seolah-olah Woodstock pada 1960-an dulu.

Menjelang sidang kemuncak G8 mereka merancang membakar ungun-unggun api di keliling Tasik Geneva seabgi tanda bantahan terhadap G8.

Bagaimanapun, pegawai-pegawai keselamatan G8 telah melipatgandakan kekukatan keselamatan bagi mengelakkan sebarang kemungkinan, sama ada daripada penganas atau penunjuk perasaan. Mereka juga mahu mengelakkan berulangnya kejadian tembakan terhadap aktivis anti-globalisasi oleh polis dua tahun lalu di Sidang G8 2001 di Genoa, Itali.

Kesemuanya hampir 20,000 polis dan asykar dari Perancis dan Jerman dikerah bagi memastikan keselamatan yang ketat di Evian, Lausanne dan Geneva.

Dekat Beau-Rivage Palace Hotel di sebelah pelabuhan bot di Lausanne di mana Dr Mahathir tinggal dengan tetamu-tetamu kenamaan, keselamatan begitu ketati- di darat, laut dan udara.

Kakitangan keselamatan yang bersenjata lengkap akan melarang mereka yang tiada pengenalan khas memasuki kawasan hotel itu. -- BERNAMA

SHY MR OS